

RM3,000 seorang

■ Javendra Kumar buktikan peluang, kemudahan di kampus bantu kejayaan

Kalidevi Mogan Kumarappa
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Status diri sebagai pelajar sepenuh masa dalam bidang kejuruteraan awam dan alam sekitar tidak menghalang anak kelahiran Ipoh, Perak ini untuk menonjol sebagai usahawan muda.

Kejayaan Ikon Usahawan, Pusat Pembangunan Keusahawanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Javendra Kumar, 24, itu membuktikan pengalaman dalam universiti dan memanfaatkan peluang serta kemudahan di kampus mampu membantunya menjadi usahawan pelajar yang berjaya.

Javendra mengasaskan Javen Global Enterprise, sebuah syarikat perkhidmatan membekalkan dan percetakan baju-T ketika dalam tahun kedua pengajiannya di UKM.

Dia kini mempunyai sebuah

kedai di pusat pelajar UKM dengan satu pasukan pekerja yang bukan hanya berkhidmat di UKM, tetapi juga institusi pengajian tinggi lain di Semenanjung Malaysia.

Selain itu, Javendra juga terpilih menyertai sekumpulan 30 pelajar dari institusi pengajian tinggi awam di Malaysia menghadiri Program Belia E-Perdagangan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dan Sekolah Perniagaan Alibaba untuk menghasilkan usahawan muda e-dagang.

Menceritakan latar belakang dirinya, Javendra berkata, ibu bapanya bercita-cita melihat dia menjadi seorang doktor.

"Selepas mendapat kelulusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia, saya ditawarkan tempat di Kolej Matrikulasi Pahang untuk mengikuti kursus sains tulen.

"Saya fikir ia akan menjadi pilihan terbaik untuk mengikuti kursus perubatan di salah sebuah universiti awam.

"Tetapi selepas tamat matrikulasi, saya ditawarkan

untuk mengikuti kursus biologi di UKM. Saya menerima tawaran itu tetapi mengubah kursus ke kejuruteraan awam untuk mengembirakan ibu saya kerana dia mahu saya mengikuti kursus bertaraf profesional.

"Saya sebenarnya mahu meneruskan pengajian dalam bidang undang-undang. Walaupun ayah setuju, saya tidak mahu membebaninya kerana adik-beradik sedang belajar di institusi pengajian tinggi swasta," katanya.

Dia yang cukup meminati bidang sains berbanding matematik terpaksa berusaha keras dalam pengajiannya kerana kelas kejuruteraan dipenuhi dengan matematik terutama kalkulus, statistik, algebra dan autocad.

"Saya belajar bersungguh-sungguh dan berjaya mendapat biasiswa IJM Corporation yang ditawarkan setiap tahun. Dalam kumpulan saya, hanya dua pelajar yang dianugerahkan biasiswa berkenaan dan ia secara langsung mengurangkan beban kewangan keluarga.

"Selaras dengan keperluan biasiswa, setiap kali cuti semester, saya akan bekerja dengan IJM di pelbagai tapak projek termasuk projek Mass Rapid Transit.

"Ayah kemudian meninggal dunia dan saya perlu menanggung perbelanjaan pendidikan saya sendiri kerana ibu adalah suri rumah dan saya tidak boleh bergantung kepada adik-beradik.

"Jadi, sebaik saja semester bermula, saya memutuskan mencari peluang menjana



JAVENDRA dikira ikon Usahawan Pusat Pembangunan Keusahawanan UKM.

pendapatan tambahan," katanya.

Javendra berkata, dia mula mencari kerja sambil di kampus dan kawasan berhampiran selain berminat menceburkan diri dalam perniagaan cuci kereta tetapi tidak berhasil kerana tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk melabur.

"Pada masa sama, saya dilantik sebagai Ketua Sekretariat Rukun Negara UKM dan kami menganjurkan beberapa acara dan program serta memerlukan baju-T.

"Saya meninjau harga pembekal sedia ada di UKM dan mendapati mereka menjual produk pada harga agak mahal.

"Saya membandingkan harga pembekal lain di luar kampus dan menyedari perniagaan itu berpotensi tinggi," katanya yang kemudian mengambil keputusan menceburkan diri dalam perniagaan membekalkan baju-T.

Dia dengan kerjasama be-

berapa pengilang di Kajang mendaftarkan sebuah syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

"Saya menamakan syarikat itu Javen Global Enterprise dan memilih perniagaan membekalkan dan percetakan baju-T, makanan serta minuman selain teknologi maklumat sebagai perkhidmatan syarikat.

"Kemudian saya mula memasarkan perkhidmatan di media sosial sebagai syarikat percetakan baju-T di UKM.

"Hasilnya saya berjaya membuka kedai di kampus kerana pelanggan akan lebih yakin dengan dengan sebuah kedai fizikal.

"Saya mengambil masa hampir satu semester untuk mendapatkan kedai di pusat pelajar. Saya bekerja dengan satu pasukan tujuh pelajar untuk melancarkan kedai pertama saya dengan kehadiran beberapa orang kenamaan.

"Saya melatih pasukan, menetapkan sasaran jualan

dan perniagaan kami mula mendapat liputan media dan publisiti," katanya.

Javendra turut memohon menjadi vendor UKM dan selepas mengemukakan dokumen lengkap, permohonan syarikatnya berjaya.

"Hari ini, Javen Global Enterprise mengupah pereka bebas untuk projek besar di UKM. Di universiti lain, kami turut membekalkan baju-T kepada masyarakat dan kelab melalui rakan pelajar berdasarkan komisen.

"Sasaran kami supaya setiap orang mendapat RM3,000 sebulan," katanya yang kini di tahun akhir pengajiannya.

Javendra turut memuji UKM kerana memberikan sokongan dan galakan dalam perjalanannya menjadi seorang usahawan.

"Saya juga diberi peluang memberikan ceramah kepada rakan pelajar yang menghadiri kursus keusahawanan di UKM," katanya yang bangga dapat membelikan ibunya sebuah rumah, sesuatu yang keluarganya tidak pernah miliki sebelum ini.



JAVENDRA mengasaskan Javen Global Enterprise yang membekal dan mencetak baju-T.



JAVENDRA ketika menerima anugerah.



JAVENDRA kini mempunyai sebuah kedai di pusat pelajar UKM.